

# 'Bukan kuasa MDKS'

*PBT saran pemaju sedia penempatan baru kepada penduduk*

**KUALA SELANGOR** - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) tidak mempunyai kuasa mutlak untuk menyelesaikan masalah banjir kilat di penempatan setinggian di Pasir Penambang, di sini memandangkan tanah itu adalah tanah persendirian milik pemaju.

Yang Dipertuanya, Noraini Roslan menjelaskan, pihaknya hanya boleh mer bantu dari segi menyelenggarakan perparitan dan sistem longkang di kawasan itu bagi melancarkan perjalanan air bagaimanapun ia adalah penyelesaian sementara waktu sahaja.

Menurutnya, lokasi penempatan 10 unit rumah panjang yang dihuni 70 penduduk itu agak rendah berbanding projek pembangunan pasaraya dan unit kedai bersebelahannya malah keadaan saluran air keluar yang kecil turut menyumbangkan masalah banjir kilat terus berlaku.

"Kita hanya boleh menyarankan kepada pemaju supaya dapat menyediakan penempatan baru untuk penduduk asal kerana difahamkan, kawasan penempatan asal bersebelahan pasaraya itu sudah lagi tidak sesuai untuk didiami untuk tempoh masa panjang.

"Kita akan cuba mengadakan perbincangan dengan pihak berkait-



Isu banjir kilat di penempatan setinggian di Pasir Penambang masih belum selesai. Gambar kecil: Noraini.

an bagi menyelesaikan masalah ini dalam masa terdekat," katanya kepada *Sinar Harian* ketika diminta mengulas isu banjir kilat di Pasir Penambang yang sering berlaku ketika hujan lebat.

Sebelum ini, kebanyakan masyarakat Cina di rumah panjang bersebelahan sebuah pasar raya, di sini masih menanti pendekatan proaktif pihak berwajib bagi menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku setiap kali hujan lebat.

Ketua Kampung Pasir Penambang, Lim Eng Wuan berkata,

bukan sekali kawasan penempatan 70 penduduk deretan rumah panjang dilanda banjir kilat sedalam 0.6 meter, bahkan kejadian yang dikhawatiri akan berulang ketika musim air pasang besar.

Menurutnya, penduduk tidak kisah sekiranya pihak pemaju hanya membina saluran longkang yang kecil namun sistem saluran itu sepatutnya mengalirkan air tanpa sebarang masalah dan lebih lancar selain tidak tersumbat dengan pelbagai jenis sampah.

"Penduduk sentiasa bimbang se-

tiap kali hujan terutamanya pada waktu malam memandangkan kawasan penempatan mereka lebih rendah dan jika tidak berjaga-jaga, mungkin air akan melimpah masuk ke dalam rumah dan merosakan suis elektrik.

"Penduduk turut memohon keprihatinan pihak berwajib supaya dapat membantu memperbaiki saluran keluar yang didakwa tidak lancar gara-gara lubang yang kecil dan sering tersumbat dengan sampah," katanya yang masih menunggu berita baik daripada pihak berwajib.